

29/05/2003

Antara Sagarmatha, Antartika dan semangat kita

Mustapa Omar

HARI ini, setengah abad lalu, dua lelaki mencapai klimaks dalam hidup mereka apabila berjaya menawan Sagarmatha. Mereka menikmati keindahan tubuhnya yang belum tercemar, sesuatu yang terlalu sukar dilakukan orang lain. Beribu-ribu manusia cuba menawannya, tetapi hanya sedikit yang berjaya, malah tidak kurang juga yang menemui ajal kerananya.

Kini, selepas 50 tahun ditawan, Sagarmatha masih tetap ayu, walaupun ada

tanda ia sudah ternoda. Sagarmatha kali pertama ditemui George Everest pada 1841, tetapi Edmund Hillary dan Tenzing Norgay yang berjaya menyuntingnya pada 29 Mei 1953, jam 11.30 pagi. George Mallory yang pernah

tiga kali cuba menawannya sebelum itu, gagal sampai ke puncak malah beliau

sendiri maut di dada Sagarmatha ketika percubaan ketiga pada 1924.

Mayatnya hanya ditemui 75 tahun kemudian. Mallory dikenang kerana ungkapan kata-kata perangsang kenapa beliau mahu menawan Sagarmatha iaitu

Because it is there. Itulah kelebihan Sagarmatha. Ia bukanlah seorang perawan atau wanita dari Himalaya, tetapi nama yang diberikan oleh orang Nepal kepada Everest, puncak tertinggi di dunia.

Di kalangan orang Tibet pula, gunung setinggi 8,850 meter (29,035 kaki)

itu dikenali sebagai Chomolongma. Walau apa pun namanya, Everest adalah lambang kekuatan, kesungguhan, ketabahan dan kecekalan manusia. Tanpa semua itu, jangan kita mimpikan puncak Sagarmatha.

Sebenarnya, kita turut berbangga kerana daripada lebih 1,250 pendaki dari 69 negara yang berjaya menawan Sagarmatha sejak 1975, dua daripadanya

adalah rakyat Malaysia iaitu M Magendran dan N Mohandass yang sampai ke puncak Everest pada 1997. Kini, Sagarmatha bukan lagi sesuatu yang mustahil untuk diteroka. Setiap tahun beratus-ratus orang berbaris untuk menawannya, malah pada masa ini saja ada lebih 50 orang sedang melawan kesejukan dan badai salji untuk menuju puncaknya.

Malangnya, Sagarmatha kini tercemar. Kajian dijalankan sepasukan pendaki

yang ditaja Program Alam Sekitar Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) mendapati beberapa kawasan glasier di puncak itu sudah mulai cair, mungkin disebabkan pemanasan global atau kesan daripada meningkatnya jumlah pendaki yang sampai ke situ. Selain itu, kolam kecil berhampiran Island Peak, tempat Hillary dan Norgay berkhemah satu ketika dulu, kini sudah melebar menjadi tasik. Apakah mungkin 50 tahun lagi, pendaki tidak dapat lagi menghayati keindahan Everest kerana saljinya cair dan meninggalkan hanya bongkah batu granit hitam saja?

Bercakap mengenai kejayaan rakyat Malaysia, saya teringat cadangan Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini supaya rakyat Malaysia tampil merentasi Antartika, benua paling sejuk di dunia dengan berjalan kaki bagi

melakar satu lagi kejayaan negara.

Cadangan Perdana Menteri itu sepatutnya dilihat sebagai cabaran kepada generasi muda supaya membuktikan semangat waja mereka sejajar slogan Malaysia Boleh. Jika Magendran dan Mohandass berjaya menawan Everest, Datuk Azhar Mansor mampu belayar solo mengelilingi dunia dan Abdul Malik Mydin pula berjaya berenang merentasi Selat Melaka dari Kuala Perlis ke Jeti Kuah, Langkawi, tidak ada sebab anak muda kita tidak boleh merentasi

Antartika. Mungkin Dr Mahathir memilih Antartika kerana beliau sendiri pernah menyertai ekspedisi merentasi benua itu pada Februari tahun lalu, manakala seorang saintis negara, Prof Mashhor Mansor dari Universiti Sains

Malaysia (USM) pula, pernah menyertai rombongan 20 penyelidik Argentina dan beberapa negara lain menjalankan kajian saintifik selama sebulan di Antartika, pada Mac lalu.

Kita sudah buktikan bahawa kita mampu melakukannya. Apa yang perlu ada ialah kekuatan, semangat yang jitu dan cecal, kemahuan serta keberanian. Tidak ada sesuatu yang mustahil jika Allah menghendakinya kerana yang penting ialah usaha dan doa. Sebenarnya, kita patut berbangga kerana memiliki seorang pemimpin yang berpandangan jauh dan sentiasa menyokong aktiviti mencabar serta menguji semangat juang generasi mudanya. Mungkin tidak ramai yang tahu bahawa Dr Mahathir sendiri menggemari kegiatan mencabar.

Selain Antartika, beliau juga pernah mengharungi Lembah Amazon di Brazil

dan menemui kawasan hutan getah, tempat asalnya komoditi yang satu ketika

dulu pernah memberi nikmat kepada rakyat Malaysia. Bayangkan bagaimana beliau memeluk pokok getah yang tumbuh di tengah hutan Amazon sebagai tanda kesyukuran nikmat yang diperoleh pekebun kecil hasil daripada pokok

itu satu ketika dulu. Malah, Dr Mahathir juga sempat merentasi banjaran Andes serta melihat bagaimana kehidupan Gaucho, puak yang sanggup mati menentang penjajah Sepanyol suatu ketika dulu tetapi kini hidup terbiar dalam kemelaratan akibat sikap kerajaan yang tidak memperdulikan nasib mereka.

Sememangnya, orang kita sudah menawan Sagarmatha, orang kita sudah mengharung badai di Lautan Pasifik serta Atlantik, orang kita sudah merenangi Selat Melaka dan orang kita juga sudah meneroka hutan Amazon. Kini tibalah masanya kita melihat bagaimana orang kita berjalan merentas padang salji di benua Antartika yang dingin. Itulah semangat kita.